

Menyediakan **penjagaan** kesihatan yang lebih baik untuk anda



Menyediakan **penjagaan** kesihatan yang lebih baik untuk anda

Ramai di antara kita yang mengunjungi beberapa buah badan penjagaan kesihatan di sepanjang hidup kita. Kita pergi ke beberapa buah klinik GP poliklinik, klinik pakar, pusat terapi dan hospital. Oleh kerana itu, setiap badan penjagaan kesihatan tersebut akan mempunyai beberapa bahagian rekod sejarah penjagaan kesihatan kita.

Rekod Kesihatan Elektronik Kebangsaan (NEHR) ialah sebuah sistem yang selamat dengan mengumpulkan rekod kesihatan pesakit dari kesemua badan penjagaan kesihatan yang merawatnya. Ini membolehkan pakar penjagaan kesihatan yang dibenarkan mendapat gambaran menyeluruh mengenai sejarah penjagaan kesihatan anda. Dengan "Seorang Pesakit, Satu Rekod Kesihatan", pasukan penjagaan kesihatan anda boleh menyediakan khidmat penjagaan kesihatan yang lebih selamat, lebih baik dan lebih sesuai untuk anda. NEHR:

Menggabungkan pakar penjagaan kesihatan demi penjagaan bertumpukan pesakit

Ringkasan penting bagi rekod kesihatan anda disimpan secara selamat di satu wadah elektronik. Ini membolehkan pakar penjagaan kesihatan berbilang disiplin dari serata Singapura dapat bekerjasama menyediakan penjagaan kesihatan yang lebih baik untuk anda. Contohnya, doktor anda boleh mengakses rekod kesihatan anda dan bekerjasama dengan doktor pakar atau pakar terapi anda untuk merancang penjagaan kesihatan yang menyeluruh untuk anda.

Mencapai mutu kesihatan yang lebih baik

Dengan lebih memahami sejarah penjagaan kesihatan anda melalui NEHR, doktor anda akan dapat memberikan penjagaan yang lebih berkesan dan membantu anda mencapai mutu kesihatan yang lebih baik melalui pengesanan penyakit dan pemilihan rawatan yang terbaik untuk meningkatkan kesihatan anda.

Meningkatkan keselamatan pesakit

Melalui NEHR, para doktor boleh mengetahui jenis ubat yang telah diberikan, alahan ubat, diagnosis serta keputusan pemeriksaan supaya dapat memberikan penjagaan yang lebih selamat. Ini adalah berguna dalam kes-kes di mana anda atau pengasuh anda tidak boleh ingat nama-nama ubat atau diagnosis yang telah diberikan oleh doktor-doktor lain atau tidak boleh bercakap (contohnya hilang suara atau tidak sedarkan diri). Ia juga dapat mengelakkan reaksi negatif ubat pada diri anda. Dalam keadaan kecemasan, akses kepada maklumat penting di NEHR dan ia dapat menyelamatkan nyawa anda atau nyawa orang yang tersayang.

Meningkatkan mutu pengalaman pesakit melalui perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lancar

Jika anda perlu berpindah ke institusi penjagaan kesihatan yang lain, contohnya, dari klinik GP ke hospital atau dari hospital ke rumah penjagaan, NEHR dapat memastikan pengalihan anda ke badan perkhidmatan yang lain berjalan dengan lancar. Proses ini memudahkan, menjimatkan masa dan wang dengan mengurangkan bilangan ujian dan pemeriksaan yang perlu dilakukan.





SOALAN-SOALAN YANG SERING DITANYA

Adakah saya disertakan dalam NEHR?

Anda disertakan secara automatik dalam NEHR untuk menikmati faedahnya.

Adakah saya boleh menghad akses kepada rekod saya dalam NEHR?

Ya, anda boleh menghad akses kepada rekod anda dalam NEHR. Secara umum, ini bererti rekod kesihatan anda di NEHR tidak boleh diakses oleh semua pakar penjagaan kesihatan, termasuk mereka yang sedang memberi penjagaan kepada anda. Jika anda masih ingin berbuat demikian, sila berjumpa dengan kakitangan di institusi penjagaan kesihatan awam yang akan memberitahu anda cara-caranya dan implikasi keputusan anda itu. Harap maklum, sekiranya anda memutuskan untuk membatalkan akses terhadap yang dikenakan ke rekod anda dalam NEHR pada masa yang akan datang, anda boleh mengemukakan permohonan untuk berbuat demikian dan menikmati manfaat yang disediakan oleh NEHR.

Apakah maklumat yang disimpan di dalam NEHR?

NEHR menerima dan mengumpulkan data daripada pelbagai institusi penjagaan kesihatan dan jabatan pendaftar nasional untuk menjadikan sebuah rekod kesihatan yang menyeluruh. Ia mengandungi maklumat seperti:

- Sejarah kemasukan hospital dan temujanji doktor
- Laporan rawatan di hospital
- Rekod COVID-19
- Keputusan ujian makmal
- Keputusan radiologi
- Sejarah ubat-ubatan
- Sejarah pembedahan atau prosedur
- Alahan dan reaksi negatif pada ubat
- Imunisasi
- Informasi Healthier SG

Siapakah yang boleh mengakses rekod saya di NEHR?

Hanya pakar penjagaan kesihatan yang memberikan penjagaan kepada anda sahaja yang dibolehkan mengakses rekod anda di NEHR.

Bolehkah saya mengakses rekod saya sendiri? Jika ya, bagaimana caranya?

Anda boleh mengakses sebahagian rekod kesihatan anda melalui laman web HealthHub, sebuah portal kesihatan sepadu di www.healthhub.sg atau memuat turun aplikasi HealthHub yang terdapat dalam versi iOS dan Android. Jika anda seorang ibu/bapa, anda boleh mengakses rekod kesihatan anak anda. Sekiranya anda mempunyai pengasuh, anda juga boleh memberikan kebenaran akses kepada pengasuh anda.

Bagaimana boleh saya pastikan bahawa sistem NEHR adalah selamat dan rekod saya dirahsiakan?

Perlindungan keselamatan yang ketat menurut amalan terbaik industri telah dilaksanakan untuk melindungi data anda dalam NEHR. Perlindungan ini disemak secara tetap dan dipertingkatkan. Tambahan lagi, semua pakar penjagaan kesihatan yang diberikan kebenaran untuk mengakses NEHR terikat dengan undang-undang dan etika profesional untuk merahsiakan rekod anda (sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik). Setiap akses kepada rekod kesihatan anda dalam NEHR direkodkan dan diaudit.

Untuk mendapatkan lebih soalan-soalan yang sering ditanya, sila kunjungi <https://for.sg/nehrfqa>





Berikut adalah beberapa cara para pesakit telah memanfaatkan NEHR

Saya menghidap penyakit sempat dan tidak dapat saya bayangkan apa yang akan berlaku jika rekod saya tidak ada di dalam sistem penjagaan kesihatan. NEHR telah menyelamatkan nyawa saya semasa kecemasan!

Saya teringat semasa saya dimasukkan ke jabatan A&E. Degupan jantung saya tidak tetap. Saya tidak boleh bernafas dengan betul dan saya rasa sangat sakit di perut. Saya mula meracau dan tidak ingat nama ubat lelah saya. Syukur, doktor saya menjumpai maklumat tersebut di NEHR dan mengetahui bahawa saya sedang mengalami kesan sampingan daripada ubat saya. Dengan NEHR, saya telah didiagnoskan dengan tepat, dirawat dengan pantas dan terselamat dari keadaan kecemasan itu!

Dengan adanya NEHR, saya menerima penjagaan kesihatan yang lancar walaupun saya perlu berpindah dari sebuah badan penjagaan ke sebuah badan penjagaan yang lain. Keadaan ini hanya boleh berlaku kerana maklumat penjagaan kesihatan yang penting ada terdapat di satu wadah dalam talian.

Saya berjumpa GP saya untuk rawatan jangkitan air kencing. Berdasarkan petandanya, doktor mengesyaki saya mungkin menghidap kencing manis. Oleh itu, saya dirujuk ke poliklinik berdekatan rumah saya dan kemudian saya dihantar ke Klinik Pakar Pesakit Luar. Saya kagum, pengalamannya lancar dan selesa. Tidak perlu melakukan ujian lagi. Prosesnya yang lancar, tanpa tekanan dan sangat meyakinkan apabila mengetahui bahawa semua badan penjagaan kesihatan saya menerima maklumat kesihatan saya yang sama.



Adakah NEHR penting bagi anda sebagai seorang pesakit?

Kongsi pendapat anda dengan kami melalui tinjauan ringkas di <https://for.sg/viewsonnehr>. Untuk pertanyaan, sila hubungi 8938 6300 atau e-mel kepada nehr.feedback@synapxe.sg



NEHR dimiliki oleh Kementerian Kesihatan Singapura dan diuruskan oleh Synapxe Pte Ltd, agensi teknologi bagi penjagaan kesihatan Singapura.